DISIPLIN PELBAGAI

[L]

KOMPETENSI
INOVASI



# PIAWAIAN

KERANGKA

# PENSIJILAN

## PENGURUSAN DAN PROFESIONAL 2024

## KEPERLUAN SKOP PENGETAHUAN DAN KRITERIA PRESTASI

**BIDANG KOMPETENSI : INOVASI**
**TAHAP : TAHAP 2 - ASAS**

| Bil | Elemen | Kriteria Prestasi |
|---|---|---|
| **1.1** | **Pengetahuan** | Calon dijangka mempunyai pengetahuan asas dan pemahaman umum berkaitan inovasi seperti berikut:<br><br>• Memahami dokumen Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), serta dasar, pekeliling dan garis panduan berkaitan inovasi<br><br>• Mempunyai pengetahuan asas dalam menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif<br><br>• Mempunyai pengetahuan asas dalam menjana idea menggunakan kaedah dan *tools* penyelesaian masalah<br><br>• Mempunyai pengetahuan asas berkenaan penyediaan dokumentasi KIK<br><br>• Mempunyai pengetahuan asas berkenaan jenis-jenis Harta Intelek dan kepentingan melindungi Harta Intelek |
| **1.2** | **Pengalaman** | • Menyertai **sekurang-kurangnya** satu (1) pertandingan inovasi anjuran JKR Malaysia (Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)/Anugerah Inovasi JKR) atau Kerajaan Negeri (Anugerah Inovasi Negeri)<br><br>• Mendaftarkan **sekurang-kurangnya** satu (1) produk inovasi yang telah dihasilkan sebagai Harta Intelek di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) atau yang setara<br><br>• Menyertai aktiviti sosial dan kemasyarakatan (contoh: CSR, STEM, *Team Building* atau yang setara)<br><br>• Memerlukan pengawasan mentor dalam bidang inovasi<br><br>• Memerlukan pembelajaran berterusan dalam bidang inovasi |

© BAHAGIAN KOMPETENSI, PENSIJILAN DAN AKREDITASI KEJURUTERAAN (BKPAK)
PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)

## KEPERLUAN SKOP PENGETAHUAN DAN KRITERIA PRESTASI

**BIDANG KOMPETENSI : INOVASI**
**TAHAP : TAHAP 3 – KOMPETEN**

| Bil | Elemen | Kriteria Prestasi |
|---|---|---|
| **2.1** | **Pengetahuan** | Calon dijangka mempunyai pengetahuan asas dan pemahaman umum berkaitan inovasi seperti berikut:<br>▪ Mempunyai kemampuan untuk menerangkan berkaitan dokumen Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK); serta dasar, pekeliling dan garis panduan berkaitan inovasi<br>▪ Mempunyai pengetahuan berkenaan Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta Dibiayai Kerajaan 2021-2025, dan dasar-dasar/pekeliling/garis panduan Kerajaan berkaitan inovasi yang berkuatkuasa<br>▪ Mempunyai pengetahuan berkaitan perlindungan dan asas perundangan harta intelek serta pengkomersialan<br>▪ Berupaya mengaplikasi kaedah dan *tools* dalam penyelesaian masalah<br>▪ Berupaya mengaplikasi kaedah *Design Thinking* dalam mengenal pasti solusi<br>▪ Berkebolehan menyediakan prototaip dan melaksanakan pengujian<br>▪ Berupaya mengkelaskan harta intelek berdasarkan inovasi yang dihasilkan<br>▪ Mempunyai pengetahuan dalam membuat carian keaslian (*novelty*) produk inovasi<br>▪ Mempunyai pengetahuan berkenaan Tahap Ketersediaan Teknologi dan Tahap Ketersediaan Inovasi<br>▪ Mempunyai pengetahuan berkenaan Kitar Hayat Pengkomersialan (Pembangunan Produk)<br>▪ Mempunyai pengetahuan berkenaan kaedah pengkomersialan<br>▪ Berkemahiran dalam menyedia dan membuat pembentangan secara berkesan (contoh: multimedia, montaj, poster) |

| Bil | Elemen | Kriteria Prestasi |
|---|---|---|
| **2.2** | **Pengalaman** | • Menyertai **sekurang-kurangnya** satu (1) pertandingan inovasi anjuran JKR Malaysia (Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)/Anugerah Inovasi JKR) atau Kerajaan Negeri (Anugerah Inovasi Negeri) DAN satu (1) pertandingan inovasi anjuran luar (contoh: iCompEx, iTEX, MTE atau yang setara)<br><br>• Memenangi **sekurang-kurangnya** satu (1) anugerah dalam pertandingan inovasi dari mana-mana anjuran (contoh: Konvensyen KIK, Anugerah Inovasi, iCompEx, iTEX, MTE atau yang setara)<br><br>• Mendaftarkan **sekurang-kurangnya** dua (2) produk inovasi yang telah dihasilkan sebagai Harta Intelek di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) atau yang setara<br><br>• Menyertai aktiviti sosial dan kemasyarakatan (contoh: CSR, STEM, *Team Building* atau setara)<br><br>• Berupaya mengamal dan mempromosikan inovasi di pejabat/cawangan/negeri masing-masing<br><br>• Berupaya merancang, menganalisa dan mengesyorkan pembangunan inovasi di pejabat/cawangan/negeri masing-masing |

## KEPERLUAN SKOP PENGETAHUAN DAN KRITERIA PRESTASI

**BIDANG KOMPETENSI : INOVASI**
**TAHAP : TAHAP 4 – MAHIR**

| Bil | Elemen | Kriteria Prestasi |
|---|---|---|
| **3.1** | **Pengetahuan** | Calon dijangka mempunyai pengetahuan asas dan pemahaman umum berkaitan inovasi seperti berikut:<br><br>• Berkebolehan untuk menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan dokumen Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)<br><br>• Berupaya memberi khidmat nasihat khususnya dalam menyediakan dokumentasi KIK/inovasi yang menepati kriteria pemarkahan<br><br>• Mempunyai pengetahuan berkenaan Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta Dibiayai Kerajaan 2021-2025, dan dasar-dasar/pekeliling/garis panduan Kerajaan berkaitan inovasi yang berkuatkuasa<br><br>• Berkebolehan menilai dokumentasi KIK dan produk inovasi yang dihasilkan oleh kumpulan KIK melalui pembentangan<br><br>• Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan dan berupaya menghuraikan hak pemilikan harta intelek<br><br>• Menjadi moderator *design thinking* di pejabat/cawangan/negeri/jabatan dalam mengenal pasti solusi terhadap masalah yang dihadapi<br><br>• Mempunyai pengetahuan asas dalam penulisan paten dan membuat carian keaslian (*novelty*) produk inovasi<br><br>• Berkebolehan untuk menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan Tahap Ketersediaan Teknologi, Tahap Ketersediaan Inovasi dan Kitar Hayat Pengkomersialan (Pembangunan Produk)<br><br>• Memahami dan mempunyai kebolehan untuk menyediakan *Business Model Canvas*<br><br>• Memahami dan mempunyai kebolehan untuk menyediakan Terma Rujukan dan *Memorandum* |

| | | |
|---|---|---|
| | | *of Agreement* (MoA) berkaitan pemilikan Harta Intelek dan Pengkomersialan<br>• Mempunyai pengetahuan berkenaan sumber dana (dalaman/luaran) dan penyediaan kertas kerja bagi tujuan permohonan dana pembangunan inovasi |
| **3.2** | **Pengalaman** | • Mengetuai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)/Projek Inovasi JKR<br>• Membentangkan **sekurang-kurangnya** dua (2) projek dalam Penilaian *Due Diligence* atau setara (JKR atau MOSTI atau yang setara)<br>• Memiliki sijil Moderator *Design Thinking* JKR Malaysia<br>• Berperanan sebagai moderator dalam mengendalikan bengkel atau kursus atau perkongsian ilmu **sekurang-kurangnya** dua (2) kali setahun dengan menggunakan kaedah *Design Thinking*<br>• Menyediakan **sekurang-kurangnya** satu (1) dokumen Terma Rujukan atau Surat Setuju Terima atau *Memorandum of Agreement* (MoA) atau *Memorandum of Understanding* (MoU) berkaitan inovasi<br>• Menyelaras aktiviti sosial dan kemasyarakatan anjuran jabatan (contoh: CSR, STEM, *Team Building*) |
| **3.3** | **Sumber Rujukan dan Khidmat Nasihat** | • Memiliki pengalaman luas dan menjadi sumber rujukan di dalam dan di luar JKR<br>• Berkebolehan mengawasi, mengaudit, menjadi mentor dan panel penilai berkaitan inovasi<br>• Mahir dalam mengamal dan mempromosikan inovasi di pejabat/cawangan/negeri masing-masing<br>• Mahir dalam merancang, menganalisa dan mengesyorkan pembangunan inovasi di pejabat/cawangan/negeri masing-masing |

© BAHAGIAN KOMPETENSI, PENSIJILAN DAN AKREDITASI KEJURUTERAAN (BKPAK)
PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR (CREaTE)